

TABLET ELLANCO

Lovastatin

Risalah Maklumat Ubat Pengguna

Kandungan risalah

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim mengenai ELLANCO. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang ada mengenainya. Ini tidak bermakna anda tidak perlu mendapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Doktor anda telah menimbang risiko dan manfaat yang dijangkakan sebelum anda mengambil ELLANCO.

Jika anda mempunyai apa-apa kemusykilan tentang pengambilan ubat ini, hubungi doktor atau ahli farmasi anda.

Simpan risalah ini bersama-sama dengan ubat anda.

Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan ELLANCO

ELLANCO digunakan bersama-sama dengan diet yang betul untuk merawat tahap kolestrol yang tinggi dalam darah. Penggunaan ELLANCO boleh membantu mencegah masalah kesihatan yang disebabkan oleh saluran darah yang tersumbat. ELLANCO juga boleh digunakan untuk mencegah beberapa jenis penyakit jantung dikalangan mereka yang mempunyai risiko terhadap penyakit tersebut.

ELLANCO mengandungi lovastatin yang tergolong di dalam kumpulan ubat yang dipanggil perencat

HMG-CoA reductase. Ia berfungsi dengan menyekat enzim yang diperlukan oleh tubuh untuk membuat kolesterol dan seterusnya mengurangkan jumlah kolesterol di dalam darah.

ELLANCO hanya boleh didapati dengan preskripsi doktor.

Sebelum menggunakan ELLANCO

Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil ELLANCO jika:

- anda alah terhadap ELLANCO atau ubat lovastatin, atau sebarang bahan kandungannya yang disenaraikan pada penghujung risalah ini

Gejala-gejala tindakbalas alahan termasuklah kulit beruam dan gatal-gatal, sesak nafas, pembengkakan muka atau lidah, atau sakit sendi-sendi.

- anda hamil atau menyusukan bayi

Ubat ini boleh meresap masuk ke dalam kandungan atau meresap ke dalam susu ibu dan seterusnya berkemungkinan memudaratkan kandungan dan bayi anda

- anda menghidap penyakit hati
- anda mengalami sakit-sakit otot atau lemah otot yang mungkin disebabkan oleh ubat pengurang kolesterol atau lemak trigliserida yang lain.

- pembungkusannya telah terkoyak atau ada tanda-tanda telah dibuka.

- ubat ini telah tamat tarikh luput.

Jika anda mengambil ubat ini selepas tamat tarikh luputnya, ia mungkin tidak berkesan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda harus mula mengambil ELLANCO, tanya doktor anda.

Sebelum mula mengambil

Maklumkan kepada doktor anda jika:

1. anda merancang untuk hamil atau menyusukan bayi
ELLANCO tidak harus digunakan semasa hamil atau semasa menyusukan bayi.

2. anda pernah menghidap penyakit hati
Doktor akan melakukan ujian darah terhadap anda untuk memastikan anda tiada masalah hati.

3. anda menghidap penyakit buah pinggang atau lain-lain penyakit.

4. anda selalu mengambil minuman alkohol

5. anda alah terhadap sebarang ubat-ubatan, makanan, bahan pewarna atau pengawet.

Jika anda belum memaklumkan perkara tersebut kepada doktor anda, maklumkan segera sebelum mula mengambil ELLANCO.

Mengambil ubat-ubatan lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda ada mengambil sebarang ubat, termasuk ubat yang boleh diperolehi tanpa preskripsi di kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat tidak boleh diambil bersama-sama dengan ELLANCO kerana ia meningkatkan risiko kesan sampingan ELLANCO pada otot. Oleh itu, adalah penting untuk anda memberitahu doktor jika anda ada mengambil ubat berikut:

- nefazodone, ubat untuk merawat kemurungan
- perencat protease, ubat untuk merawat jangkitan HIV, termasuklah ubat indinavir, nelfinavir, ritonavir, saquinavir
- antibiotik untuk merawat jangkitan seperti erythromycin, clarithromycin dan asid fusidik
- ubat antikulat seperti ketoconazole dan itraconazole, untuk merawat jangkitan kulat

Jika anda mengambil mana-mana ubat di atas, doktor anda mungkin mengesyorkan untuk menghentikan ELLANCO buat sementara atau selama-lamanya.

Sesetengah ubat dan ELLANCO boleh bertindak balas antara satu sama lain. Oleh kerana pengambilan ELLANCO bersama-sama dengan ubat-ubatan di bawah boleh meningkatkan risiko masalah otot (lihat Kesan-kesan sampingan) adalah penting untuk anda memberitahu doktor jika anda ada mengambil ubat berikut:

- ubat pengurang kolesterol yang lain contohnya terbitan asid fibrik (seperti gemfibrozil dan bezafibrate)
- ubat cyclosporin, untuk merawat penyakit sistem imun
- ubat danazol

- ubat verapamil, diltiazem atau amlodipine, untuk merawat tekanan darah tinggi, sakit dada (angina) atau lain-lain masalah jantung.
- ubat amiodarone, untuk merawat masalah denyutan jantung tidak tetap

Juga adalah penting untuk anda memberitahu doktor anda jika anda ada mengambil ubat antikoagulan (ubat yang menghalang pembentukan darah beku seperti ubat warfarin, asid nikotinik (juga dikenali sebagai niasin)) atau ubat fenofibrate, satu lagi ubat terbitan asid fibrik.

Laporkan juga kepada doktor jika anda mengambil produk niasin atau yang mengandungi niasin dan juga jika anda berketurunan cina.

Ubat-ubatan tersebut boleh menjejaskan keberkesanan ELLANCO atau meningkatkan risiko kesan sampingan ELLANCO atau keberkesanan ubatan-ubatan tersebut boleh dijejaskan oleh ELLANCO. Anda mungkin memerlukan sukatan ubat yang berbeza, atau anda mungkin perlu mengambil ubat-ubatan berbeza.

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat yang perlu diberi perhatian atau perlu dielakkan ketika mengambil ELLANCO.

Cara menggunakan ELLANCO

Berapa banyak perlu diambil

Ambil ELLANCO seperti yang telah diarahkan oleh doktor anda.

Doktor anda akan memberitahu bilangan tablet yang perlu anda ambil setiap hari. Ini bergantung kepada paras kolesterol dan lemak trigliserida dalam darah anda serta faktor-faktor lain contohnya penyakit buah pinggang.

Dos dewasa yang disyorkan bermula dengan 10 mg atau 20 mg sehari, diambil pada waktu petang/malam yang perlu ditingkatkan kepada 80 mg sehari untuk mendapatkan kesan yang terbaik.

Pesakit yang menghidap atau berisiko mendapat penyakit jantung koronari selalunya bermula dengan dos 40mg sehari, diambil pada waktu petang/malam.

Dos permulaan biasa kanak-kanak (berumur 10 -17 tahun) ialah 10mg setiap hari diambil pada waktu petang/malam. Dos maksima yang disyorkan ialah 40mg sehari

Telan tablet ELLANCO dengan segelas air.

Patuhi semua arahan yang telah diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Ia mungkin berbeza dengan maklumat yang terdapat di dalam risalah ini.

Jika anda tidak faham arahan yang dinyatakan, minta bantuan doktor atau ahli farmasi anda.

Bila perlu mengambil

Ambil ELLANCO sekali sehari pada waktu petang/malam.

Hati menghasilkan kolesterol dalam jumlah paling banyak ketika badan kita dalam keadaan rehat dan tiada pengambilan makanan. Bagi kebanyakan orang, keadaan tersebut adalah pada waktu malam ketika mereka tidur. Oleh itu, ubat ELLANCO lebih berkesan jika diambil pada waktu petang/malam. Masa paling baik untuk mengambil ubat tersebut adalah selepas makan petang/malam. Walau bagaimanapun, ia boleh diambil selepas atau pun sebelum waktu makan.

Ambil ELLANCO pada waktu yang sama setiap petang/malam.

Mengambil ubat pada masa yang sama setiap hari akan memberikan

kesan yang terbaik. Ia juga akan membantu anda mengingat waktu pengambilan ubat anda.

Berapa lama perlu mengambil

ELLANCO membantu mengurangkan paras kolesterol dalam darah anda. Ia tidak menyembuhkan penyakit anda. Oleh itu, anda harus terus mengambalnya seperti yang telah diarahkan oleh doktor anda jika anda mahu mengurangkan paras kolesterol tersebut dan mengekalkannya. Anda mungkin perlu mengambil ubat pengurang kolesterol sepanjang hayat anda. Jika anda berhenti mengambil ELLANCO, paras kolesterol anda akan kembali meningkat.

Jika terlupa mengambil

Jika masa untuk dos seterusnya hampir tiba, langkau dos yang tertinggal tersebut dan ambil dos yang seterusnya. Jika tidak, ambil dos sebaik sahaja anda teringat, dan kemudian teruskan mengambil ubat tersebut seperti biasa.

Jika anda tidak pasti samada perlu mengambil dos yang seterusnya, hubungi doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan gantikan dos anda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika anda mempunyai masalah untuk mengingat waktu pengambilan ubat anda, dapatkan cara untuk mengatasinya daripada ahli farmasi anda.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera melalui panggilan telefon atau kunjungi hospital yang berdekatan jika anda fikir anda atau orang lain telah mengambil

ELLANCO secara berlebihan. Lakukan perkara tersebut sekalipun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Semasa menggunakan ELLANCO

Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda hamil ketika mengambil ELLANCO, hentikan pengambilan dan laporkan kepada doktor anda dengan segera.

Lakukan ujian lemak dalam darah seperti yang diarahkan oleh doktor anda untuk memastikan keberkesanan ubat ELLANCO terhadap anda.

Jika anda perlu mengambil ubat-ubatan lain, maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil ELLANCO.

Jika anda perlu menjalani pembedahan, beritahu doktor anda bahawa anda sedang mengambil ELLANCO.

Doktor mungkin akan mengesyorkan anda untuk menghentikan pengambilan tablet beberapa hari sebelum pembedahan.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan beri ELLANCO kepada orang lain walaupun penyakit mereka sama seperti anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan pengambilan alkohol yang banyak.

Pengambilan alkohol yang banyak boleh meningkatkan risiko mendapat masalah hati ketika mengambil ELLANCO.

Elakkan meminum jus buah limau gedang (grapefruit) dengan banyak.

Jus buah limau gedang atau grapefruit mengandungi satu atau dua bahan yang boleh mengubah metabolisme sesetengah ubat termasuklah ELLANCO. Oleh itu, pengambilan jus limau gedang dalam kuantiti yang banyak (lebih daripada 1 liter) setiap hari boleh meningkatkan risiko mendapat kesan-kesan sampingan ELLANCO. Ini termasuklah sakit-sakit otot dan lemah otot yang bukan disebabkan oleh senaman. Walau bagaimanapun, pengambilan segelas (250ml) jus buah limau gedang setiap hari tidak menjejaskan kesan tersebut.

Berhati-hati ketika memandu kenderaan atau mengendalikan mesin sehingga anda merasai kesan ELLANCO terhadap anda.

Secara amnya, ELLANCO tidak menjejaskan tumpuan anda untuk memandu kenderaan atau mengendalikan mesin. Walau bagaimanapun, seperti kebanyakan ubat-ubatan lain, ELLANCO boleh menyebabkan pesakit rasa pening. Pastikan anda tahu kesannya terhadap anda sebelum memandu atau mengendalikan mesin.

Perubahan gaya hidup yang boleh membantu mengurangkan risiko mendapat penyakit jantung koronari

Merendahkan tahap kolesterol dalam darah boleh membantu mengurangkan risiko mendapat penyakit jantung koronari (CHD).

Walaupun bagaimanapun, risiko itu meningkat disebabkan oleh beberapa faktor termasuklah penyakit tekanan darah tinggi, merokok, penyakit kencing manis, berat badan berlebihan, sejarah keluarga yang mempunyai penyakit jantung koronari, wanita yang hampir menopause (putus haid) dan lelaki.

Beberapa kaedah di bawah boleh membantu keadaan anda dan membantu mengurangkan risiko mendapat penyakit jantung koronari. Berbincanglah dengan doktor, ahli farmasi atau pakar pemakanan mengenai kaedah dan maklumat lanjut mengenainya.

• **Diet (Pemakanan)**

- teruskan mengambil pemakanan rendah lemak seperti yang disyorkan oleh doktor, pakar pemakanan atau ahli farmasi anda.

• **Berat badan**

- doktor akan menasihatkan anda untuk mengurangkan berat badan sekiranya berlebihan.

• **Senaman**

- lakukan senaman sebagai rutin harian – contohnya berjalan kaki. Dapatkan nasihat doktor sebelum memulakan senaman.

• **Merokok**

- doktor akan menasihatkan anda untuk berhenti merokok atau mengurangkannya.

Kesan-Kesan Sampingan

Laporkan segera kepada doktor atau ahli farmasi jika anda berasa tidak sihat ketika mengambil ELLANCO.

ELLANCO membantu menurunkan tahap kolesterol pada kebanyakan orang, tetapi ia mungkin boleh menyebabkan kesan sampingan yang tidak diingini pada sesetengah daripada mereka. Semua ubat mempunyai kesan-kesan sampingan. Kadang kala ianya serius, tetapi selalunya tidak. Anda perlu mendapatkan rawatan perubatan jika anda mengalami kesan-kesan sampingan tersebut.

Hubungi doktor atau ahli farmasi untuk menjawab sebarang persoalan anda.

Laporkan kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami kesan sampingan

berikut dan ianya membimbangkan anda:

- sembelit, cirit-birit, kembung perut
- sakit perut, rasa loya
- sakit kepala
- pening

Kesan-kesan sampingan tersebut biasa berlaku dengan pengambilan ELLANCO. Sebahagian besar kesannya adalah ringan dan bersifat sementara.

Laporkan kepada doktor dengan segera jika anda mengalami keadaan berikut:

- sakit-sakit otot atau lemah otot yang bukan disebabkan oleh aktiviti senaman
- air kencing berwarna gelap

Masalah otot boleh menjadi serius, termasuk kegagalan otot berfungsi akibat kerosakan buah pinggang, walau bagaimanapun ia jarang berlaku.

Risiko untuk mendapat masalah otot meningkat di kalangan:

- pesakit yang mengambil ELLANCO pada dos yang tinggi.
- pesakit warga emas (65 tahun dan ke atas)
- pesakit wanita
- pesakit yang menghidap penyakit buah pinggang
- pesakit yang menghidap penyakit tiroid

Laporkan kepada doktor dengan segera jika anda mengalami keadaan berikut:

- rasa kebas pada tangan dan kaki
- kulit dan/atau mata menjadi kuning, juga dipanggil jaundis
- tanda-tanda anemia, seperti keletihan, sesak nafas dan nampak pucat
- demam, selalunya berasa kurang sihat

- kulit beruam dan gatal-gatal
- kulit menjadi kemerahan dan bengkak-bengkak serta gatal,
- bengkak dan sakit sendi-sendi
- mudah mendapat kesan lebam daripada biasa
- buah dada yang lebih besar daripada biasa di kalangan lelaki

Kesan-kesan sampingan tersebut adalah kesan sampingan serius ELLANCO. Sesetengah kesan tersebut adalah akibat kesan tindak balas alahan terhadap ELLANCO. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera. Kesan-kesan sampingan yang serius jarang berlaku.

Laporkan kepada doktor anda serta-merta atau kunjungi unit kecemasan di hospital yang berdekatan jika anda mengalami keadaan berikut:

- pembengkakan pada muka, bibir, mulut, tekak atau lidah yang boleh menyebabkan anda sukar bernafas atau menelan.
- sesak nafas

Kesan-kesan sampingan tersebut adalah serius. Jika anda mengalaminya, ia adalah akibat kesan tindak balas alahan terhadap ELLANCO. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera. Kesan-kesan sampingan yang serius jarang berlaku.

Laporkan juga kepada doktor anda jika anda mengalami:

- keguguran rambut
- kekejangan otot
- sukar untuk tidur
- lemah ingatan
- rasa tertekan
- mati pucuk
- masalah pernafasan termasuklah batuk berpanjangan dan/atau sesak nafas atau demam

Kesan-kesan sampingan tersebut pernah dilaporkan dengan pengambilan ELLANCO.

Masalah hati boleh terjadi dan ianya mungkin serius. Doktor anda akan melakukan ujian darah untuk memeriksa hati anda.

Kesan-kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin terjadi dikalangan sesetengah pesakit. Laporkan kepada doktor jika anda mengalami kesan-kesan sampingan yang lain.

Jangan berasa cemas dengan kesan-kesan sampingan yang disenaraikan. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Selepas Menggunakan ELLANCO

Penyimpanan

Simpan ubat tablet anda di dalam pek asal sehingga tiba masa untuk menggunakannya.

Jika anda mengeluarkan tablet daripada pek asalnya, ia tidak tersimpan dengan sempurna.

Simpan ELLANCO di tempat kering dan sejuk pada suhu bawah 25° C.

Jangan menyimpan ubat anda di dalam bilik air atau berdekatan sinki.

Jangan tinggalkannya di dalam kereta atau ditepi tingkap.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan ubat.

Jauhkan ubat daripada capaian kanak-kanak. Simpan ubat di dalam almari berkunci yang terletak sekurang-kurangnya satu setengah meter tinggi.

Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil ELLANCO, atau sudah tamat tarikh luputnya, hubungi ahli farmasi anda untuk mengetahui apa yang perlu dilakukan terhadap baki tersebut.

Deskripsi produk

Rupa dan warna

ELLANCO 20mg – Berbentuk bulat, berwarna putih dan bertanda "DUO 2" serta "bunga" pada permukaannya.

Kandungan

Bahan aktif:

Setiap tablet ELLANCO 20mg mengandungi 20mg lovastatin.

Pengilang / Pendedar

ELLANCO dikilangkan dan diedarkan oleh:

DUOPHARMA (M) SDN. BHD. (42491-M)

WHOLLY OWNED BY CCM DUOPHARMA BIOTECH BERHAD (524271-W)

Lot. 2599, Jalan Seruling 59, Kawasan 3, Taman Klang Jaya, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran

DUOPHARMA (M) SDN. BHD. (42491-M) WHOLLY OWNED BY

CCM DUOPHARMA BIOTECH BERHAD (524271-W) Lot. 2599, Jalan Seruling 59, Kawasan 3, Taman Klang Jaya, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Nombor pendaftaran:

ELLANCO 20mg - MAL19973687A

Tarikh risalah ini disediakan: Ogos 2012.